

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/04/28 - 35

### PERKHIDMATAN DITAWARKAN DI PREMIS LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

1. Selaras dengan ketetapan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebagai salah sebuah agensi Kerajaan yang menjalankan perkhidmatan penting (essential services), LHDNM ingin memaklumkan bahawa premis-premis LHDNM (kecuali Pusat Khidmat Hasil dan UTC) telah beroperasi dengan menawarkan perkhidmatan yang terhad sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Maklumat terperinci berkaitan perkhidmatan yang disediakan di premis-premis LHDNM sepanjang tempoh PKP ini adalah seperti berikut:

Bil.	Perkhidmatan	Waktu Operasi / Kaedah
i.	Kaunter Khidmat Pelanggan	8.00 pagi – 4.00 petang (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)
ii.	Kaunter Duti Setem	8.00 pagi – 12.00 tengah hari (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)

iii..	Kaunter Pusat Bayaran LHDNM (Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching)	8.00 pagi – 12.00 tengah hari (Isnin hingga Jumaat)
iv.	Urusan percukaian (surat penyelesaian cukai, audit, siasatan dan lain-lain)	Telefon, e-mel atau janji temu (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)
v.	ezHASiL	24 jam
vi.	Panggilan telefon	a) Hasil Care Line: 9.00 pagi – 4.30 petang (Ahad hingga Jumaat)  b) Pejabat LHDNM: 9.00 pagi – 4.30 petang (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri)

3. Harap maklum bahawa perkhidmatan kaunter berikut **tidak disediakan** di Cawangan LHDNM dalam tempoh PKP:

- i. Kaunter e-Filing;
- ii. Kaunter Bantuan Sara Hidup (BSH);
- iii. Kaunter Bantuan Prihatin Nasional (BPN); dan
- iv. Kaunter Geran Khas Prihatin (GKP)



4. Sepanjang tempoh PKP ini, LHDNM menerima bilangan panggilan telefon, e-mel dan permohonan dalam talian yang tinggi terutama berkaitan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan operasi percukaian. Sehubungan itu, walaupun berhadapan dengan kekangan yang tidak dapat dielakkan, sebagai sebuah agensi yang komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, setiap permohonan dan pertanyaan yang diterima akan disusuli sebaik mungkin dan diambil tindakan sewajarnya. Justeru, sebarang kelewatan dalam memberikan maklum balas (jika ada) dan segala kesulitan yang timbul di pihak pelanggan amatlah dikesali.
5. Sebagai memberikan kemudahan kepada orang ramai, sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan percukaian dan perkhidmatan LHDNM turut boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:
- a) Hasil Care Line (HCL) di 03-8911 1000 atau 603-8911 1100 (luar negara);
  - b) Pejabat LHDNM dengan menghubungi talian telefon yang boleh diakses melalui portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau menerusi pautan pantas:  
[http://www.hasil.gov.my/bt\\_goindex.php?bt\\_kump=2&bt\\_skum=2&bt\\_posi=1&bt\\_unit=4&bt\\_sequ=1](http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_kump=2&bt_skum=2&bt_posi=1&bt_unit=4&bt_sequ=1)
  - b) HASiL Live Chat;
  - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>; dan

d) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:

- Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
- Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

6. Pembayar cukai juga boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan urusan percukaian dalam tempoh PKP ini dengan melayari portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau klik pada pautan Soalan Lazim (FAQ) seperti di bawah:

Versi Bahasa Malaysia : [http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq\\_1.pdf](http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_1.pdf)

Versi Bahasa Inggeris : [http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq\\_2.pdf](http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_2.pdf)

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



LHDN

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 28 April 2020**



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube